



TENGGU RAPIAH BINTI TENGGU ABDULLAH

MENGISAR CABARAN

Oleh: Mohd Ghazali Tocheh

DIA dilahirkan setelah lebih setahun Jepun menakluki Malaya. Namun tidak sedikit pun kesengsaraan hidup di zaman pemerintahan Jepun yang dialaminya disebabkan dia masih anak-anak lagi. Walaupun usianya sudah di awal 60an tahun, dia masih lagi cergas dan aktif sama ada dari aspek fizikal mahupun minda. Dia adalah salah seorang anggota barisan kepimpinan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Kawasan Negeri Johor sejak awal tahun 1990an sehinggalah sekarang. Walaupun anak-anaknya tidak berkesempatan membantunya lagi secara total, dia tetap dengan rutin hariannya berniaga barangan runcit dan mengusahakan cili boh secara komersial. Padanya usia bukan halangan untuknya meneruskan rutin hariannya. Kalau perniagaan barangan runcitnya mendapat sambutan masyarakat setempat, cili bohnya pula menerima sambutan meluas hingga mampu menguasai pasaran di luar kawasan tempatnya

bermastautin kini.

Tengku Rapiah binti Tengku Abdullah sudah sedia hilang daya penglihatan (buta) sejak dilahirkan pada 28 Februari 1942 di Segamat, Johor. Dia anak kelima daripada 9 orang adik-beradik. Bapanya pada masa itu berkhidmat dengan Central Electric Board. Ibunya pula suri rumahtangga sepenuh masa. Seingatnya selepas lebih kurang 2 tahun Jepun menyerah kalah di Malaya pada tahun 1945, dia sekeluarga berpindah ke Muar dan kemudiannya ke Kluang kerana mengikut bapa bertukar tempat kerja. Selepas bapanya bersara pada awal tahun 1960an, mereka menetap di Kampung Melayu, Kluang, Johor.

Semasa tinggal di Segamat (tahun 1947), dia pernah menerima rawatan mata di Hospital Johor Bahru. Doktor yang memeriksa dan merawatnya mengesahkan tiada sebarang teknologi positif di bidang perubatan yang boleh dieksploit untuk memulihkan penglihatannya. Sebaliknya pihak hospital berkenaan merujuk pula kesnya kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Johor Bahru. Secara kebetulan pula pihak berkenaan ketika itu sedang giat mengesan dan mengumpul orang-orang buta dan ditempatkan di Rumah Kebajikan Am (RKA), Batu 3, Jalan Skudai, Johor Bahru. Bertolak dari sinilah dia berpeluang belajar bersama rakan-rakan senasib lain di situ. Disebabkan kediaman kedua datuk dan neneknya berdekatan, dia memilih tidak tinggal di RKA seperti rakan-rakan senasib lain. Sebaliknya dia tinggal bersama-sama kedua datuk dan neneknya. Dia dihantar datuknya ke RKA dan dijemput balik ke rumah pada setiap hari belajar.

Selepas 3 bulan belajar setelah bersama keluarganya semula di Segamat, dia tidak diizinkan lagi oleh bapanya balik semula ke RKA. Ketika itu usianya sudah menjangkau ke angka 10 tahun. Walaupun di usia itu rakan-rakan sebayanya rancak belajar, dia pula sudah jadi pingitan di rumah sahaja. Ditambah lagi kedua ibu dan bapanya langsung tidak membenarkannya membuat sebarang kerja rumah. Untuk mengisi waktu lapang, dia banyak menghabiskan masa dengan mendengar siaran radio.

Titian hidupnya terus berlalu dan mindanya juga turut berkembang seiringan situasi semasa. Dia sudah memahami betapa pelajaran dan ilmu pengetahuan amat penting buat manusia membangunkan diri dan memajukan kehidupan. Apabila Rancangan Ke Sekolah-sekolah dikumandangkan di corong radio, dia tidak pernah ketinggalan mengikutinya penuh penghayatan.

Belajar Bahasa Inggeris daripada adik-adiknya yang sudah bersekolah merupakan satu lagi subjek penting yang diberikannya prioriti pada dirinya. Mereka yang boleh bertutur Bahasa Inggeris dengan baik pada ketika itu pasti dipandang tinggi dan dihormati. Sikap adik-adiknya yang suka mengusik dan mengolok-olokkannya di dalam Bahasa Inggeris menambahkan lagi keazamannya untuk mempelajari bahasa itu bersungguh-sungguh. Selain sentiasa menggunakan Bahasa Inggeris ketika berbual dan berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya di telefon, dia juga gemar mengikuti siaran antarabangsa di radio yang menggunakan Bahasa Inggeris untuk menambahkan lagi kemahirannya bertutur. Radio bukan lagi terhad pada sumber hiburannya sahaja, radio juga sudah menjadi saluran informasi dan ilmu pengetahuannya yang utama. Tatkala usianya meniti angka 25 tahun, dia benar-benar yakin bahawa Bahasa Inggeris yang dituturkannya sudah setanding dengan mereka yang belajar di sekolah.

Princess Elezabeth School, Johor Bahru yang dikhususkan untuk kanak-kanak buta belajar sememangnya ada di dalam pengetahuannya. Namun wujudnya institusi yang melatih orang-orang buta di bidang kemahiran tertentu tidak pernah pula sampai pada pengetahuannya. Hanya di dalam tahun 1973 ketika usianya sudah 32 tahun, dia menerima berita itu daripada salah seorang ahli keluarganya. Apabila diusulnya lebih lanjut, ketahuilah dia bahawa adanya institusi seumpama itu di Kuala Lumpur yang memberi khidmat melatih dan memulihkan orang-orang buta untuk hidup berdikari. Dalam masa yang sama berita-berita yang sampai ke telinganya mengatakan bahawa orang-orang buta sudah ada yang diambil bekerja dengan kerajaan dan di kilang-kilang turut mempengaruhi minat dan merangsang semangatnya untuk

hidup sendiri dan berdikari.

Berikutan itu dia telah meminta ihsan salah seorang daripada ahli keluarganya menguruskan harapannya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kluang. Walaupun borang berkaitan sudah di tangan, ahli keluarganya itu enggan meneruskan tindakan selanjutnya. Pendirian bapa yang tidak membenarkannya keluar rumah dan tinggal berjauhan daripada keluarga benar-benar menyekat keinginannya yang semakin berkobar-kobar di dada. Namun sikapnya yang tidak mudah mengalah jauh sekali berputus asa berjaya mencetuskan idea ke halanya merangkul cita-cita. Dengan helahnya tersendiri, borang berkaitan harapannya berpindah tangan padanya atas alasan untuk disimpannya sebagai kenang-kenangan.

Sesudah borang di tangan, di dalam diam-diam dia mendapatkan bantuan rakan dan kenalan untuk merealisasikan cita-citanya. Dia telah menelefon Pegawai Kebajikan Masyarakat Kluang setelah mendapat maklumat secukupnya. Pada pegawai itu dia meluahkan hasrat dan harapannya dan meminta Jabatan berkenaan membantunya untuk memasuki institusi sasarannya di Kuala Lumpur. Di samping ibu dan adik-beradik menyokong padu hasratnya itu, mereka juga berusaha keras memujuk bapa supaya melepaskannya pergi. Apabila Pegawai Kebajikan Masyarakat Kluang datang menemuinya dan keluarga di rumah dan memberi taklimat sejelas-jelasnya, bapa akhirnya tunduk pada kemahuannya. Bapanya sendiri dengan ditemani seorang berdua ahli keluarganya mengiringinya pergi hingga ke Kuala Lumpur.

Pusat Latihan Gurney (GTC), Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur, itulah nama institusi yang mengubah corak hidupnya sehingga ke saat ini. Pada pertengahan tahun 1973, dia memulakan hidup barunya di GTC. Di samping bapa menggalakkannya belajar bersungguh-sungguh, bapa juga sempat menggambarkan rasa kagumnya terhadap penghidupan orang-orang buta di GTC padanya. Bukan makan-minum dan pakai-patut sahaja terurus baik, mereka juga berpendidikan, berkemahiran dan cekap setanding orang-orang celik. Dirinya pula begitu lega kerana sebilangan daripada pelatih ada yang tidak

berpendidikan formal sepertinya. Namun kebolehnya berinteraksi di dalam Bahasa Inggeris dengan sesiapa sahaja memberi sedikit kelebihan padanya.

Azamnya yang puncak memasuki GTC, mahu mendalami pelajaran sebagai persediaan menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan seterusnya. Dia bercita-cita mahu jadi Penulis sepenuh masa setelah tamat belajar. Namun cita-citanya itu dilupakannya begitu sahaja selepas menerima penerangan tentang fungsi sebenar GTC yang dimasukinya. Ekoran itu dia diberikan latihan kemahiran membuat bakul daripada rotan. Dia memprotesnya keras namun sekadar di dalam hati sendiri cuma. Walau bagaimanapun, pelajaran mengenal, menulis dan membaca Braille terus diikutinya bersungguh-sungguh. Selepas beberapa bulan belajar, dia akhirnya berjaya dan cekap menulis dan membaca Braille. Bahan-bahan bacaan Braille sama ada di dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu mampu dibacanya dengan cekap, fasih, lancar dan berkesan.

Selepas hampir setahun di GTC, dia tidak berminat lagi meneruskan latihan walaupun tempoh kursusnya masih belum berakhir lagi. Sebaliknya dia mahukan pekerjaan. Disebabkan tiada sebarang kerja kosong yang sesuai untuknya ketika itu, pada bulan Mei 1974 dia balik semula ke pangkuan keluarganya di Kluang. Selepas setahun bersama keluarga, dia beroleh tawaran kerja di salah sebuah syarikat telekomunikasi di Shah Alam, Selangor. Dia memulakan tugasnya pada 11 Julai 1975 ketika usianya sudah 33 tahun. Selepas menumpang di rumah kawan buat beberapa lama di Shah Alam, dia berpindah tempat tinggal ke Brickfields, Kuala Lumpur. Di samping ramai rakan senasib yang sedia diajak bersiar-siar dan berbual mesra, kemudahan pengangkutan untuknya berulang-alik ke tempat kerja banyak pilihan.

Apabila disebut berulang-alik ke tempat kerja dari tempat tinggalnya di Brickfields, memorinya pantas melayang sewaktu dia menjalani latihan di GTC. Selain daripada menduduki Kursus Membuat Bakul, satu lagi kemahiran mesti dipelajarinya iaitu latihan berjalan di atas jalan raya menggunakan tongkat dengan betul. Sesungguhnya latihan ini langsung tidak

diminatinya, ditambah lagi dia sentiasa gagal setiap kali latihan itu diikutinya. Namun insiden yang berlaku di suatu hari secara tidak diduga mendidiknya menjadi berani dan yakin berjalan sendiri di jalan raya selagi teknik menggunakan tongkat putih secara betul dipatuhinya.

Pada hari berkenaan dia bertembung dengan Jurulatih berkaitan sewaktu dia berjalan menuju ke kelas membuat bakul di dalam kawasan GTC. "Tengku Rapiah, meet me at the Post Office!" Itulah perintah yang didengarinya daripada jurulatih itu.

Ekoran itu dia rasa amat tercabar. Jalan raya yang bakal disusurinya menuju destinasi bermula dari GTC sebenarnya sudah beberapa kali dibelahnya bersama jurulatih yang membimbingnya. Namun dia agak kecewa kerana jurulatih berkenaan sentiasa tidak berpuashati dengan kemampuan dan kebolehannya. Teringatkan itu, dia segera berpatah arah dan terus berjalan langkah demi langkah menuju haluan. Dia amat yakin bahawa jurulatih berkenaan sentiasa di belakangnya. Kalau dia melakukan kesalahan dan kesilapan di sepanjang perjalanan pasti jurulatih itu menegurnya tegas. Lepas sebatang jalan raya, jalan raya yang lain pula diseberangi dan disusurinya. Persimpangan demi persimpangan dibelahnya menuju haluan. Apabila melewati kawasan orang ramai bersesak-sesak, dia langsung tidak mendepani kesulitan untuk membelahnya. Selepas beberapa lama berjalan, akhirnya dia tibalah ke destinasi.

"Tengku Rapiah, where did you go?" Dia terdengar suara jurulatih berkenaan menyoalnya tegas.

"You said you want to meet me at the Post Office. Now here I am!" jawabnya dengan yakin dan berani.

"Tengku Rapiah, meet me in the office, not meet me at the Post Office!"

Setelah berpindah tempat tinggal ke Brickfields, dia berulang-alik ke tempat kerjanya

dengan pengangkutan awam saban hari. Dia gembira sekali dengan kerjayanya di tambah lagi dia sentiasa dihargai majikan apabila syarikat menganjurkan aktiviti-aktiviti tertentu seperti sosial dan jamuan tahunan. Dia akan dijemput dan diminta menyanyikan beberapa buah lagu dengan diiringi pancaragam untuk menyerikan suasana. Namun sedang dia rancak berkhidmat dan sesudah 7 tahun berlalu, majikan mengeluarkan pilihan padanya sama ada mahu meneruskan kerjaya atau berhenti bersama wang pampasan. Dia memilih berhenti disebabkan pilihan yang satu lagi mengkehendakinya berpindah tempat kerja ke Kelantan.

Setelah menamatkan perkhidmatannya, dia bekerja pula dengan MAB. Tugasnya bersama rakan-rakan senasib lain memasang skru-skru pada alat-alat elektrik tertentu, membungkus produk-produk terpilih dan lain-lain kerja bersesuaian. Bengkel ini ditempatkan di sebuah bangunan di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, Kuala Lumpur. Dia menamatkan khidmatnya di bengkel ini selepas 6 bulan bekerja di situ. Ini disebabkan dia mahu menumpukan sepenuh masa pada rumahtangganya. Sambil itu sempat juga dia memahirkan diri dengan menduduki latihan urut dan refleksologi di GTC pada hari-hari sabtu setiap minggu pada 6 bulan pertama tahun 1984.

Dia mendirikan rumahtangga pada bulan Mei 1978 dengan seorang pemuda senasib yang berkhidmat sebagai Telefonis di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur. Tidak lama sesudah berkahwin, mereka berpindah dari Brickfields dan tinggal menyewa di salah satu unit rumah pangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada waktu inilah anak-anaknya yang dijaga keluarga di Johor dibawanya balik ke pangkuan rumahtangganya di Kuala Lumpur bagi diasuh dan dididiknya sendiri bersama suami. Pada tahun 1986, dia sekeluarga berpindah pula ke kediaman yang dibelinya sendiri semasa dia masih bekerja dahulu di Seksyen 16, Shah Alam, Selangor. Pada tahun 1988, dia sekeluarga berpindah lagi ke Skudai, Johor Bahru apabila suaminya bertukar tempat kerja di UTM Skudai. Buat masa ini mereka sekeluarga tinggal menetap di kuarters UTM Skudai.

Selama berumahtangga sehingga kini, mereka telah dianugerahi 3 cahaya mata kesemuanya lelaki dan dilahirkan di Kuala Lumpur. Anaknyanya yang sulung (dilahirkan pada tahun 1979) sedang rancak belajar di Kolej Karisma, Senawang, Seremban, Negeri Sembilan di dalam Pengajian Teknologi Maklumat di peringkat diploma. Anaknyanya yang kedua (dilahirkan pada tahun 1980) sudahpun berkhidmat di UTM Skudai sebagai Pembantu Am Rendah. Anaknyanya yang ketiga (dilahirkan pada 1984) juga sudah bekerja sebagai Penghantar Cepat (Despatch) di salah sebuah syarikat ukur bahan di Johor Bahru.

Setelah tinggal di kuarters UTM Skudai, dia cuba memperkenalkan urut dan refleksologi pada masyarakat setempat. Walaupun mendapat sambutan menggalakkan pada awalnya, namun kebolehan dan kemahirannya itu gagal dikomersialkannya. Di samping mereka yang menerima khidmatnya membayar sesuka hati, dia juga tidak mahu bersaing dengan jururut tradisional sedia ada demi menjaga hati dan perasaan mereka. Ekoran itu dia menukar haluan mengisi masa lapangnya dengan berniaga barangan runcit keperluan dapur seharian. Terbitnya idea itu padanya apabila peniaga runcit berdekatan kediamannya menutup operasi. Kalau perniagaan runcitnya terhad pada keperluan dapur terpilih sahaja di awalnya, dia akhirnya melengkapkan jualan dengan barangan runcit seharian seperti beras, gula, tepung, gas memasak dan lain-lain. Sambutan masyarakat setempat terhadap perniagaannya amat menggalakkan.

Sikapnya yang ramah dan suka menolong jiran-jiran turut mendatangkan manfaat besar padanya dan keluarga. *Ringan tangan berat perut*, pepatah ini amat kena dengan perkembangan yang dialaminya sehingga ke saat ini. Mulanya jiran-jiran yang membuka warung makanan, minuman dan nasi lemak dibantunya memproses dan menyediakan cili untuk memasak. Kelazimannya cili yang diproses itu di dalam kuantiti yang banyak dan mengambil masa yang lama untuk menyiapkannya. Mendapati kebolehannya menyediakan cili yang mereka perlukan mampu disediakannya dengan sempurna dan cekap, akhirnya jiran-jiran yang berniaga warung makanan dan nasi lemak menempah cili boh padanya.

Menyedari kebolehan dan kemampuannya dihargai, langsung dia berusaha menyediakan cili boh sendiri bagi tujuan komersial. Apa yang diusahakannya itu benar-benar berhasil di luar dugaannya. Bukan penduduk setempat dan berdekatan sahaja, mereka yang dari luar turut menyambut cili boh jualannya dengan baik dan membanggakan. Sehingga pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pertanian, MARDI dan Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) turut berkunjung untuk melihat hasil kerjanya. Mereka juga mengiktiraf cili-cili boh yang disediakan, malahan dia telah diberi tunjuk-ajar dan bimbingan yang lebih mendalam agar cili boh yang disediakan lebih eksklusif, berkualiti dan kompetitif di pasaran. Pihak yang berkenaan di samping memberi khidmat nasihat berterusan, turut juga menyumbang mesin-mesin pengisar cili untuk melancarkan lagi perusahaannya.

Untuk menjamin cili boh yang disediakan segar dan tahan lama, bermutu, eksklusif dan kompetitif di pasaran, penyediaannya mestilah dilakukan dengan cara yang betul dan bersistematik. Bukan tangkai-tangkai setiap cili kering sahaja, biji-bijinya juga turut dibuang sebanyak mungkin sesudah ia dipotong-potong sewajarnya. Cili-cili itu kemudiannya dicelur dengan air panas sejenak dan selepas itu dibasuh sebersih-bersihnya. Proses membasuh sekilogram cili yang sudah dicelur tadi akan mengambil masa lebih kurang sejam lamanya. Sesudah itu cili tadi dicampur pula dengan air secukupnya dan dilumat menggunakan mesin pengisar. Cili yang sudah dimesin tadi digaul pula dengan garam menurut sukatan yang ditentukan dan kemudiannya dimasak selama setengah jam untuk menjamin kesegaran dan ketahanannya. Setelah sejuk, proses membungkus bermula menggunakan calung bagi menyalurkan cili itu ke dalam bekas-bekas plastik yang ditentukan mengikut berat yang ditetapkan dan selepas itu mulut plastik-plastik itu digam-mati. Disebabkan proses membungkus tidak boleh menggunakan tangan sewenang-wenangnya, kerja-kerja itu diserahkan pada pembantu-pembantunya yang celik menguruskannya. Di dalam hubungan ini, anak-anaknyalah yang menyempurnakannya dan setelah itu barulah dipasarkan.

Pelanggan-pelanggan cili boh perusahaannya bukan sekadar masyarakat setempat, malahan dipasarkan di luar kawasan kediamannya di sekitar Bandar Skudai. Penjaja-penjaja yang datang menjaja ikan dan sayur-sayuran turut menempah cili bohnya untuk diedarkan pada pelanggan masing-masing. Walaupun perusahaannya beroperasi agak perlahan dewasa ini disebabkan ketiadaan pembantu yang kekal, dia tetap berhasrat memperbesar dan mengembangkannya sedikit masa lagi. Buat masa ini dia sedang sibuk mencari dan melatih pembantu-pembantunya yang baru sebelum perusahaannya diperbesarkan.